



SEKOLAH KEBANGSAAN BANGI

JALAN AMAN 10, 43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN

SEJARAH SEKOLAH KEBANGSAAN BANGI KAJANG



Dewan Lama Sekolah

SEJARAH SEKOLAH

Sekolah Melayu Bangi merupakan sekolah kedua tertua di Daerah Hulu Langat selepas sekolah High School Kajang.

Sekolah ini didirikan atas daya usaha masyarakat kampung-kampung yang berhampiran dengan Bangi Lama pada tanggal 13 September 1924.

Asal Nama Bangi: Nama Bangi diambil sempena nama Tok Batin Orang Asli yang ada di sini suatu ketika dahulu iaitu Si Bangi.

Pada awal pembukaan sekolah ini hanya mempunyai 24 orang lelaki dan 2 orang perempuan sahaja.

LATAR BELAKANG SEKOLAH

Bangunan asal sekolah ini berukuran 30x50 kaki persegi. Tiangnya dari kayu bulat berdindingkan papan, beratapkan nipah dan berlantaikan simen. Pada tahun 1937, sebuah bangunan tambahan yang mengandungi 4 bilik darjah yang berukuran 100x30 kaki persegi. Ia bertiangan batu, berdindingkan papan, beratap genting dan berlantaikan papan. Sekarang ia dijadikan dewan sekolah.

Pada tahun 1981 sebuah bangunan setinggi 3 tingkat telah didirikan. Terdapat 13 bilik darjah 2 bilik stor, 2 stor bawah tangga, 6 tandas (3 untuk guru dan 3 untuk murid). Ia digunakan secara rasmi pada 8.2.1983. Sekarang terdapat 4 rumah guru. Kemudahan asas yang lain seperti padang, kantin dan bilik muzik.

Pada 2009, Sekolah Kebangsaan Bangi memiliki 1041 pelajar lelaki dan 944 pelajar perempuan, menjadikan jumlah keseluruhan murid seramai 1985 orang. Ia mempunyai seramai 107 orang guru.

Share this page

 [Share on Facebook](#)

 [Share on Twitter](#)

